

JAWAPAN IMPAK A+ BAHASA MELAYU TINGKATAN 3 BAHAGIAN A, B & C

BAHAGIAN A: SISTEM BAHASA

Praktis 1

- | | |
|--------------------------------------------|---------------------------------------------------|
| (i) berjam – berjam-jam | (vii) ke kiri dan kanan – ke kiri dan ke kanan |
| (ii) memperindahkan – memperindah | (viii) sehari – seharian |
| (iii) di – pada | (ix) terbesar sekali – terbesar / besar sekali |
| (iv) semua menteri-menteri – semua menteri | (x) paling mahal-mahal sekali – yang paling mahal |
| (v) dihadaahi – dihadaahkan | |
| (vi) jambu merah – merah jambu | |

Praktis 2

- | | |
|--------------------------|---------------------------------|
| (i) perihatin – prihatin | (vi) Carek-carek – carik-carik |
| (ii) pamiran – pameran | (vii) Sempurna – sempena |
| (iii) dikorek – dikorek | (viii) faseh – fasih |
| (iv) pileh – pilih | (ix) rumahtangga – rumah tangga |
| (v) masaalah – masalah | (x) teknologi – teknologi |

Praktis 3

- | | | |
|------------------|-----------------------|--------------------|
| (i) Frasa Nama | (iii) Frasa Adjektif | (v) Frasa Adjektif |
| (ii) Frasa Kerja | (iv) Frasa Sendi Nama | |

Praktis 4

- | | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) Emak Azam ingin tahu punca Azam yang kelihatan tergesa-gesa. | (iii) Emaknya bertanya sama ada Azam akan lama berada di sekolah. |
| (ii) Azam memberitahu emaknya bahawa dia ingin ke makmal komputer di sekolahnya untuk menyiapkan tugas yang diberi oleh gurunya. | (iv) Azam memberitahu emaknya bahawa dia tidak akan lama di sekolah, selepas siap tugasannya dia akan terus balik. |
- | | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) “Taufiq, cepat bangun, kita mesti pergi sekolah, ada latihan kawad rumah sukan kita,” kata Farhan sambil mengejutkan Taufiq yang sedang tidur. | perbarisan nanti,” balas Taufiq sebaik-baik sahaja bangun. |
| (ii) “Yalah aku lupa, cikgu kita mahu pasukan kita menang dalam pertandingan | (iii) “Cepatlah siap, nanti kita kena denda kalau lewat,” kata Farhan kepada Taufiq. |
| | (iv) “Nasib baik kau datang kejutkan aku, aku terlupa betullah,” kata Taufiq pula. |
- | | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) Ayu melarang neneknya daripada membakar sampah. | tempat terbuka dan jika berbuat demikian mereka akan didenda. |
| (ii) Nenek menanyakan sebab dia tidak boleh membakar sampah. Menurut nenek lagi daun kering tersebut terlalu banyak, jika tidak dibakar akan bersepah semula. | (iv) Nenek masih tidak berpuas hati dan bertanyakan sama ada sampah itu perlu dibiarkan begitu sahaja. |
| (iii) Ayu menjelaskan bahawa pada masa ini mereka tidak boleh membakar sampah di | (v) Ayu mahu memasukkan daun-daun kering ke dalam plastik sampah supaya diangkut oleh lori sampah yang akan datang nanti. |
- | | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (i) “Mengapa kau datang lewat ke sini?” tanya Shah kepada Azmi. | (v) “Hamidah, mari kita ke kantin, makan bekal yang saya bawa ni,” ajak Ajak Suhaili. |
| (ii) “Adik saya tak datang sekolah, dia kena demam selesema,” kata Suhail. | (vi) “Saya mahu semua orang di sekolah ini datang esok untuk gotong-royong membersihkan kawasan sekolah,” kata pengetua kepada semua warga sekolah. |
| (iii) “Jangan bermain bola di atas jalan, bahaya,” tegur abang Kamil kepada saya dan rakan-rakan. | |
| (iv) “Aduh, sakitnya jari saya tercucuk jarum!” rintih Amira ketika sedang menjahit. | |

Praktis 5

1.
 - (i) Gamat ialah sejenis haiwan laut bernilai terapeutik.
Gamat mempunyai banyak khasiatnya.
Gamat boleh menyembuhkan luka.
Gamat dapat mengurangkan rasa sakit.
 - (ii) Kini gamat telah digunakan secara meluas dalam perubatan tradisional.
Gamat juga berpotensi dalam perubatan moden.
2.
 - (i) Seni tenunan songket mula bertapak dan terkenal di Pantai Timur Semenanjung terutama di negeri Terengganu dan Kelantan.
 - (ii) Kain songket ditenun menggunakan benang sutera halus dan benang emas.
 - (iii) Kebolehan menenun songket dianggap istimewa bagi kaum wanita dan negeri Terengganu mempunyai pengusaha songket yang paling banyak di Malaysia.
3.
 - (i) Pendidikan bidang bioteknologi penting kepada orang ramai.
Pendidikan bioteknologi penting kepada pihak media massa.
Wartawan harus memberikan laporan tepat tentang bioteknologi.
 - (ii) Menerusi cara ini tanggapan menakutkan berkaitan dengan bioteknologi dapat dikurangkan.
Bioteknologi mempunyai kebaikan dalam pelbagai bidang.
Setiap ciptaan moden digunakan oleh manusia sejagat.

Praktis 6

1.
 - (i) Mata pelajaran Bahasa Melayu diajarkan oleh Encik Sidek di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning, Klang.
 - (ii) Sampah sarap di pasar tani itu dibersihkan oleh pekerja-pekerja Majlis Daerah Kluang selepas pukul 12:00 tengah hari.
 - (iii) Murid-murid yang tidak berdisiplin ditegur oleh pengetua agar mengubah sikap mereka.
 - (iv) Kambing ternakannya dibawa oleh Hafiz ke kebun belakang rumah.
 - (v) Tandas itu dibersihkan oleh murid Tahun 3 Topaz selepas waktu sekolah.
 - (vi) Pembahagi jalan dilanggar oleh pemandu lori itu ketika cuba mengelak motosikal yang tiba-tiba keluar dari simpang.
 - (vii) Bola ditendang oleh Farid sehingga melepasi pintu gol.
 - (viii) Ubat ini mesti anda minum untuk segera sembuh.
 - (ix) Buku "Memoir Said Zahari" telah saya baca sehingga habis.
 - (x) Kereta dicuci oleh Steven pada setiap petang selepas balik kerja.
2.
 - (i) Irwan menyimpan air mineral itu di dalam beg sekolahnya.
 - (ii) Penjual yang mendapat tauliah Jabatan Agama Islam Selangor telah menyembelih ayam-ayam itu.
 - (iii) Saya telah menghidang semua makanan untuk jamuan hari jadi adik di atas meja ruang tamu.
 - (iv) Helmi telah menebang pokok getah tua itu untuk dijual.
 - (v) Lori kontena telah melanggar kanak-kanak itu sewaktu dia melintas jalan.
 - (vi) Awak belum menghantar latihan karangan minggu lalu.
 - (vii) Polis telah menyaman mereka kerana meletak kereta di bahu jalan.
 - (viii) Anda belum mengemas bilik ini sejak semalam.
 - (ix) Saya belum menjahit baju yang terkoyak itu.
 - (x) Awak sudah siap kerja-kerja mengecat barulah saya bayar upahnya.

Praktis 7

- (i) Ayat penyata
- (ii) Ayat tanya
- (iii) Ayat seruan
- (iv) Ayat larangan (ayat perintah)
- (v) Ayat majmuk
- (vi) Ayat tunggal

- | | |
|--------------------|-----------------------------------|
| (vii) Ayat penyata | (ix) Ayat seruan |
| (viii) Ayat tanya | (x) Ayat larangan (ayat perintah) |

Praktis 8

1.

(i) Ayam terlepas tangan berbau tahi	(iii) Itik mendapat air/Itik diajar berenang
(ii) Cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar	(iv) Layang-layang putus talinya

2.

(i) Seperti orang buta kehilangan tongkat	(iii) Seperti buah padi, makin berisi makin rendah; jangan seperti lalang, makin lama makin tinggi
(ii) Ditatang bagai minyak yang penuh	

3.
 - (i) Persengketaan antara pak cik dengan datuk sepuluh tahun lalu telah berakhir apabila datuk dapat menerima isteri pak cik kerana **air dicencang tidak akan putus.**
 - (ii) Ridzuan bersungguh-sungguh menyiapkan projek kerja kursus Geografi walaupun agak sukar namun dia berpendapat **genggam bara api biar sampai jadi arang** kerana dia mahu lulus dengan cemerlang.
 - (iii) Dahlia telah membeli banyak perabot rumah walaupun rumah baharunya akan siap dua bulan lagi dan dia dikatakan **belum duduk sudah berlunjur.**
 - (iv) Rafie yang dituduh oleh James mencuri wangnya telah menyerahkan dompetnya kepada guru disiplin untuk diperiksa kerana **berani kerana benar, takut kerana salah.**
 - (v) Perompak itu bersikap **tak dapat tanduk telinga dipulas** apabila menembak pekerja kedai emas itu ketika hendak melarikan diri sebaik-baik sahaja rakannya ditembak oleh polis.
 - (vi) Allahyarham Tun Ghafar Baba meninggalkan jasa yang amat besar kepada rakyat Malaysia dan benarlah kata pepatah **“gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama”.**

4.

(i) Bagai bulan di pagar bintang	(vi) Bagaimana acuan, begitulah kuihnya
(ii) Biar mati anak, jangan mati adat	(vii) Sediakan payung sebelum hujan
(iii) Ada gula adalah semut	(viii) Biar lambat asalkan selamat
(iv) Air pun ada pasang surutnya	(ix) Ikan pulang ke lubuk / belut pulang ke lumpur
(v) Angguk bukan, geleng ya	

LATIHAN MIRIP PT3 2018

Set 1

1.

(i) di dalam – dalam	(iii) Banyak rancangan-rancangan – Banyak rancangan
(ii) menganugerahi pingat untuk – menganugerahkan pingat kepada	(iv) Ketiga – Ketiga-tiga

2.

(i) Mutahir – Mutakhir	(iii) silaturrahim –silaturahim
(ii) gran – geran	

3.

(i) Ayat penyata	(ii) Ayat majmuk	(v) Ayat suruhan
(ii) Ayat tanya	(iv) Ayat songsang	

4.

(i) Bagai cendawan tumbuh selepas hujan	(ii) Cacing hendak menjadi naga
-----------------------------------------	---------------------------------

Set 2

1.

(i) Kebanyakan doktor-doktor – Kebanyakan doktor	(ii) lupa janji-janjinya – lupa akan janji-janjinya
--------------------------------------------------	-----------------------------------------------------

- (iii) berbagai – berbagai-bagai /pelbagai
- (iv) di dalam – dalam
- 2.
- (i) nasib – nasib
- (ii) jalanraya – jalan raya
- (iii) juru latih – jurulatih
- 3.
- (i) Ular sawa telah ditangkap oleh Pak Cik Karim di kebun getahnya pagi tadi.
- (ii) Surat itu telah ditaip oleh Azlina untuk dihantar kepada ayahnya.
- (iii) Kami telah menyiapkan semua peralatan untuk pergi berkhemah petang semalam.
- (iv) Kelvin telah diselamatkan oleh orang kampung ketika dia tersesat di hutan itu.
- (v) Rakyat negara ini diminta oleh Perdana Menteri untuk mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.
- 4.
- (i) Bagai dakwat dengan kertas
- (ii) Seperti embun di hujung rumput
- Set 3**
- 1.
- (i) dua setengah jam – dua jam setengah
- (ii) Sebuah perasaan – Perasaan
- (iii) Hal ini kerana – Hal ini demikian kerana
- (iv) mendapat banyak pengalaman – banyak mendapat pengalaman
- 2.
- (i) jawatan kuasa – jawatankuasa
- (ii) ke-empat – keempat
- (iii) deligasi – delegasi
- 3.
- (i) Budak-budak itu masih bermain di padang bola.
- (ii) Badannya sakit sepanjang masa pada musim jerebu ini.
- (iii) Bahasa Melayu dimestikan lulus untuk mendapat sijil SPM.
- (iv) Budak-budak yang membuli murid tingkatan 3 kena panggil oleh guru disiplin.
- (v) Sampah sarap yang bertaburan dibakarnya walaupun kerajaan melarang aktiviti tersebut pada musim panas ini.
- 4.
- (i) Murid-murid perempuan berjalan ke asrama dari sekolah **seperti itik pulang petang** berbanding murid-murid lelaki yang berjalan pantas dan cergas.
- (ii) Setelah gagal memujuk adik-beradiknya untuk berbaik-baik, Amir mencari punca masalah pergaduhan itu kerana **kusut di hujung lari ke pangkal**.
- Set 4**
- 1.
- (i) demi untuk – adalah untuk
- (ii) maaf-memaafkan – bermaaf-maafan
- (iii) sangat sombong sekali – sangat sombong
- (iv) Oleh kerana – Oleh sebab
- 2.
- (i) temuduga – temu duga
- (ii) perihatin – prihatin
- (iii) nasionalisma – nasionalisme
- 3.
- (i) Aziz memberi cadangan agar mereka membuat lukisan mural di dalam bilik pengawas sekolah.
- (ii) Fong bersetuju tetapi mural itu mestilah mempunyai tema yang bersesuaian sebagai bilik pengawas.
- (iii) Raj mencadangkan agar mereka berbincang dahulu dengan guru disiplin mereka, iaitu Cikgu Khalil.
- (iv) Aziz bersetuju dan mencadangkan agar mereka bertemu dengan Cikgu Khalil pada keesokan harinya.

- (v) Fong pula memberitahu lebih baik mereka bertemu dengan Cikgu Khalil selepas waktu persekolahan kerana mereka boleh berbincang lebih lama.

4.

- (i) Ukur baju di badan sendiri (ii) Belakang parang kalau diasah nescaya tajam

Set 5

1.

- (i) apa – apa-apa (iii) di kalangan – dalam kalangan
(ii) amat baik sekali – amat baik (iv) disusun oleh kami – kami susun

2.

- (i) bistari – bestari (iii) pra kata – prakata
(ii) menyiksa – menyeksa

3.

- (i) Perkembangan teknologi moden telah menyebabkan pelbagai gam dicipta dan boleh diperolehi di pasaran dengan mudah untuk kegunaan seharian. (iv) dan daya ikatan antara molekul gam sangat kuat. Terdapat segolongan remaja menyalahgunakan gam dengan menjadikan bau gam sebagai penghilang ketagihan dadah.
(ii) Gam boleh didapati secara semula jadi dan secara sintetik. (v) Mereka sukar dirawat apabila terjebak dalam penagihan dadah maka akhirnya golongan ini kekal menagih dadah.
(iii) Gam merupakan sejenis jaringan polimer yang mempunyai rangka struktur besar

4.

- (i) genggam bara api biar sampai jadi arang (ii) berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

BAHAGIAN B: KOMSAS DAN NOVEL

Praktis 1 – Syair Burung Nuri

- (i) Rangkap tersebut membawa maksud, penyair meminta maaf jika dia membuat apa-apa kesilapan sewaktu menyampaikan pendapatnya. Kemungkinan kata-katanya menggores perasaan sesiapa.
(ii) Nilai murni yang terdapat dalam syair ialah **berdikari**, contohnya penyair menjelaskan bahawa seseorang yang menghadapi cabaran sewaktu merantau haruslah berdikari untuk mendepani gelombang cabaran itu. Seterusnya **hemah tinggi**, contohnya seseorang yang berhemah tinggi akan bersopan santun ketika menghadap makanan.
(iii) Apabila berada di dalam kelas, kita perlu bangun sebaik-baik melihat guru masuk ke kelas **untuk** kita mengucapkan salam sebagai tanda hormat. Ketika belajar, kita perlu memberikan fokus **sebagai** menghormati ilmu yang diberi oleh guru. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 2 – Seloka Santap Istiadat

- (i) Adab ketika makan ialah makan dengan tangan kanan dan lauk diambil dengan sopan santun. Selepas itu, makanan haruslah dikunyah dengan perlahan-lahan tanpa bersikap gelojoh.
(ii) Pengajaran yang terdapat dalam seloka ialah **kita perlulah bersikap baik hati terhadap tetamu**, contohnya tuan rumah (raja) yang murah hati telah menjamu tetamunya makan dan minum. Seterusnya **kita hendaklah memiliki sikap hemah tinggi ketika menikmati makanan**, contohnya kita diingatkan perlunya bersopan santun sewaktu menikmati santap istiadat.
(iii) Jika makan tidak beradab, terutamanya makan secara gelojoh, kemungkinan kita akan tercekik **yang** boleh memberikan kesan kepada kesihatan. Selain itu, makan tidak beradab memberikan gambaran

buruk seolah-olah ibu bapa gagal mendidik anak **dan** menjadi orang yang tahu beradab. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 3 – Sajak Kijang yang Lelah

- (i) Kijang cuba mempamerkan tenaganya dengan kekuatan kaki. Kijang ingin mengisi sisa-sisa waktu dengan kerja yang bermanfaat walaupun berasa serik akan kepenatan yang dilaluinya pada usia tua.
- (ii) Gaya bahasa daripada sajak ialah **anafora**, contohnya perulangan awal perkataan yang sama dalam baris “Dia tetap menjinjing tekad dan tabah” dan “dia tidak lagi gundah”. Seterusnya **personifikasi**, contohnya dalam beberapa perkataan yang terdapat dalam baris “Dia tidak lagi mampu menobatkan takhta”, “Sebak menyentap dahan kalbu”, dan “Dedaun resah mula berguguran”.
- (iii) Walaupun sudah tua, kijang masih mahu menunjukkan kekuatannya dengan harapan rakan-rakan mencontohinya **agar** tidak menjadikan faktor usia sebagai penghalang untuk berbakti. Selain itu, kijang menyindir rakan-rakannya yang masih muda **tetapi** mengaku tidak bertenaga lagi. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 4 – Sajak Pesan Ibu Beribu-ribu

- (i) Ibu rakan penyajak menasihati rakannya itu agar memilih kawan yang baik, bukannya yang jahat. Apabila mengenangkan nasib rakannya, penyajak tiba-tiba rindu akan pesanan ibunya yang banyak memberikan kebaikan kepadanya.
- (ii) Persoalan daripada sajak ialah **persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anak**, contohnya ibu amat menyayangi anaknya dengan sentiasa memberikan nasihat dan pesanan yang berguna kepada penyajak. Seterusnya **persoalan sikap manusia yang memiliki rasa hormat terhadap ibu**, contohnya penyajak mengingatkan kita agar menghormati ibu dan mengikut pesanan ibu yang sentiasa berfikir demi kebaikan kita.
- (iii) Seorang ibu tidak akan jemu menasihati anaknya disebabkan oleh perasaan kasih sayang yang menebal **kerana** ibu berasa bimbang anaknya kelak menghadapi sebarang musibah. Selain itu, naluri seorang ibu menyebabkan hatinya sentiasa berasa bimbang **lalu** memberikan nasihat sebagai cara meluahkan kebimbangan tersebut. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 5 – Sajak Senja di Palang Besi

- (i) Ketika berada di dalam penjara, banduan menitikkan air mata kesedihan apabila mengenangkan hukuman yang diterima olehnya. Banduan juga berasa kesepian dan kekesalan kerana terpaksa menjalani hukuman.
- (ii) Nilai murni yang diperoleh daripada sajak ialah **keadilan**, contohnya penyajak akur akan undang-undang negara yang adil dan menerima hukuman penjara yang dijatuhkan ke atasnya dengan pasrah. Seterusnya **keberanian**, contohnya penyajak berani menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati sewaktu dipenjarakan.
- (iii) Banduan yang sudah selesai menamatkan hukuman mengulangi jenayah semula kerana tidak mendapat sokongan daripada masyarakat seperti ibu bapa **menyebabkan** mereka terjebak semula dalam kegiatan jenayah. Selain itu, rakan lama memujuk untuk melakukan jenayah **kerana** tidak mudah memperoleh wang. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 6 – Sajak Bintang

- (i) Ibu tidak memerlukan bintang yang bercahaya kerana bagi ibu dan ayah sudah memiliki bintang hati, malah keluarga dan jiwa mereka sudah disinari cahaya kebahagiaan. Menurut ibu, cahaya kebahagiaan itu ialah penyajak, iaitu anak mereka yang juga bintang hati mereka.
- (ii) Gaya bahasa yang terdapat dalam sajak ialah **anafora**, contohnya perulangan awal perkataan yang sama dalam baris “tentu ibu gembira” dan “tentu ayah bahagia” serta “begitu juga ibu” dan “begitu juga jiwa mereka”. Selanjutnya **personifikasi**, contohnya perkataan yang terdapat dalam baris “menghias langit yang terbentang” dan “aku ingin terbang ke sana”.
- (iii) Apabila ibu bapa sudah tua, mereka menginginkan anak-anak menjaga kebajikan mereka dari sudut pemakanan dan kesihatan **untuk** menjalani kehidupan yang sejahtera. Selain itu, mereka mahu anak-anak bermuafakat dalam semua perkara **dan** tiada yang bersikap mementingkan diri sendiri. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 7 – Prosa Tradisional Bahagia Sesudah Derita

- (i) Ketika di pasar, Si Miskin berasa hairan kerana diberi orang berbagai-bagai jenis barang. Sedangkan sebelum ini, mereka bukan sahaja tidak memberi apa-apa, malah dirinya akan dilempar dengan batu dan kayu.
- (ii) Si Miskin ke istana untuk memohon kebenaran daripada raja mendapatkan sebiji mempelam yang gugur. Raja segera menitahkan hambanya mengambil setangkai mempelam untuk diberikan kepada Si Miskin.
- (iii) Si Miskin sanggup memenuhi kehendak isterinya kerana dia tahu isterinya sedang mengandung anak pertama **dan** memahami kerenah orang yang mengandung. Selain itu, dia sudah berjanji dengan isterinya mahu susah dan senang bersama-sama **untuk** mengharungi kehidupan di dunia ini. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 8 – Cerpen Legasi Tapai Ubi

- (i) Rakan-rakan Parjo kehairanan kerana mereka tidak tahu latar belakang hidupnya. Rakan-rakannya juga tidak tahu hubungan Parjo dengan tapai.
- (ii) Parjo membayangkan bapanya sedang mencabut ubi dan emaknya sedang melumatkan ragi. Dia juga membayangkan kesusahan ibu bapanya mengusahakan perniagaan tapai tanpa pembantu.
- (iii) Untuk meluaskan pasaran makanan tradisional, ibu bapa perlu mendedahkan anak-anak tentang khasiat sesuatu makanan tradisional **agar** mereka menggemarinya. Selain itu, makanan tradisional mestilah mudah diperolehi di pasar-pasar malam atau di hotel **supaya** ramai yang memakannya. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 9 – Cerpen Sekeping Tanah

- (i) Usaha yang dilakukan ialah tanah pusaka itu dijual kepada syarikat Binajaya lalu wang yang diperolehi dibahagikan. Seterusnya, minggu itu juga papan tanda yang menunjukkan bahawa di atas tapak tanah itu akan dibina sebuah kondo mewah setinggi 25 tingkat ditegakkan untuk tempahan.
- (ii) Harun seolah-olah mengetahui rancangan adik-adiknya apabila hatinya terdetik melihat nama adiknya sebagai pengurus Binajaya Sdn. Bhd. itu. Seterusnya, Harun merenung nama adiknya pada papan kenyataan tapak kondo itu sambil menggelengkan kepala.
- (iii) Adik-beradik boleh bermasam muka disebabkan tidak mematuhi wasiat yang ditetapkan oleh ibu bapa mereka, **sebaliknya** memikirkan keuntungan untuk memperoleh bahagian yang patut diterima. Selain itu, wang ringgit menjadi ukuran, **tetapi** bukan hubungan kekeluargaan yang sudah terjalin sejak sekian lama. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 10 – Cerpen Bawod

- (i) Usaha yang dilakukan oleh Beluntung ialah dia menambat Tuyog pada pohon kelapa. Kemudian dia mengetatkan tali yang mengikat Tuyog sebelum dia masuk ke kelas.
- (ii) Prinsip Beluntung ialah dia mahu berlawan melalui perbandingan markah peperiksaan yang lebih tinggi. Selain itu, dia mahu berlawan dengan berusaha memperoleh nombor satu dalam kelas.
- (iii) Beluntung tidak mengendahkan ejekan teman-temannya kerana dia ke sekolah hanya untuk menuntut ilmu, **dan** bukan menambah musuh. Selain itu, baginya ejekan tidak akan mengubah nasib diri dan keluarganya **yang** selama ini hidup dalam kesusahan. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

Praktis 11 – Drama Tenang-tenang Air di Tasik

- (i) Muzafar mahu mengajak ibunya ke tempat peranginan, tempat dia bekerja. Selain itu, dia mahu ibunya menonton video rakaman ekspedisi baru-baru ini.
- (ii) Ekspedisi tersebut dianggap bermakna kerana merupakan peristiwa bersejarah bagi tempat peranginan dia bekerja. Selain itu, rakaman itu juga membuktikan yang orang cacat penglihatan boleh berkayak jika diberi peluang.
- (iii) Bukti masyarakat menyisihkan orang kelainan upaya ialah kemudahan tempat meletak kereta khas untuk orang kelainan upaya di pusat beli-belah sering digunakan oleh orang awam **kerana** mahu memarkir kenderaan dekat dengan pintu masuk. Selain itu, tandas khusus untuk orang kelainan upaya digunakan oleh orang normal **kerana** tidak mahu menunggu giliran. [Dua isi dengan bahasa yang gramatis akan memperoleh markah maksimum].

BAHAGIAN C – ULASAN

Praktis 1

[**Pendahuluan**] Kita ke sekolah bukan sahaja mahu menimba ilmu, tetapi mahu membentuk sahsiah yang terpuji. [**Isi 1**] Oleh itu, kita perlu melakukan amalan mulia dengan datang awal ke sekolah. [**Contoh/Kesan**] Seelok-eloknya kita sampai 15 minit sebelum loceng berbunyi. [**Isi 2**] Selain itu, kita perlu membersihkan kelas bersama-sama rakan sebelum sesi pembelajaran bermula. [**Contoh/Kesan**] Apabila kelas dalam keadaan kondusif, kita belajar dalam keadaan selesa dan menyeronokkan. [**Isi 3**] Pada waktu yang sama, kita perlu **ringan tulang** membantu guru. [**Contoh/Kesan**] Apabila nampak guru membawa buku latihan, kita perlu segera membantunya membawa buku tersebut ke bilik guru. [**Penutup**] Marilah kita menjadikan alam persekolahan sesuatu yang menyeronokkan. Berusahalah menjadi murid yang baik, bukan bersikap **berat tulang**.

Praktis 2

[**Pendahuluan**] Polis Diraja Malaysia, Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia, dan Tentera Udara Diraja Malaysia ialah pasukan keselamatan yang penting kepada negara. [**Isi 1**] Mereka berperanan mempertahankan negara daripada ancaman musuh. [**Contoh/Kesan**] **Musuh dalam selimut** bila-bila masa sahaja akan mengganggu-gugat negara dan pasukan keselamatan pula sentiasa bersiap siaga. [**Isi 2**] Seterusnya, pasukan keselamatan berperanan memastikan keharmonian rakyat Malaysia yang melebihi 30 juta orang terpelihara. [**Contoh/Kesan**] Rakyat pelbagai kaum perlu diingatkan agar tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan perbalahan antara kaum. [**Isi 3**] Selain itu, mereka berperanan melaksanakan undang-undang mengikut Perlembagaan Negara. [**Contoh/Kesan**] Semua rakyat bebas bergerak, bersuara, dan menulis, asal sahaja tidak melanggar Perlembagaan Negara. [**Penutup**] Kita patut menghargai komitmen yang ditunjukkan oleh pasukan keselamatan. Tanpa mereka, kemakmuran negara pasti akan lebur.

Praktis 3

[**Pendahuluan**] Makanan seimbang ialah pengambilan makanan yang cukup untuk keperluan tubuh badan. [**Isi 1**] Makanan seimbang penting untuk pembesaran manusia lebih sempurna dari aspek fizikal. [**Contoh/Kesan**] Keupayaan fizikal menjadikan seseorang itu boleh menjalankan tugasnya dengan cemerlang. [**Isi 2**] Selain itu, makanan seimbang memberikan vitamin yang cukup kepada badan. [**Contoh/Kesan**] Hal ini penting untuk menjadikan tubuh tahan menghadapi sebarang jangkitan penyakit. [**Isi 3**] Seterusnya, makanan seimbang mampu mengawal kadar obesiti. [**Contoh/Kesan**] Langkah yang perlu dilakukan dengan mengambil makanan dalam kuantiti yang kecil tetapi cukup berkhasiat. [**Penutup**] Jika masyarakat mengabaikan pemakanan seimbang, pasti jumlah pesakit kronik akan bertambah. Kita boleh menjadi manusia yang sihat kerana **hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih**.

Praktis 4

[**Pendahuluan**] Kita patut bangga atas pencapaian atlet Malaysia meraih tiga pingat emas dan satu pingat gangsa dalam Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro, Brazil. [**Isi 1**] Sebenarnya kejayaan mereka disebabkan oleh kegigihan mereka berlatih. [**Contoh/Kesan**] Walaupun atlet-atlet ini kelainan upaya seperti lembam dan palsy serebrum namun mereka akur pada arahan jurulatih. [**Isi 2**] Selain itu, kerajaan menyediakan pelbagai prasarana untuk mereka. [**Contoh/Kesan**] Kerajaan menyediakan gelanggang, jurulatih berprestasi tinggi, dan elaun latihan. [**Isi 3**] Ibu bapa pula bersikap positif terhadap minat anak-anak. [**Contoh/Kesan**] Ibu bapa akan menemani anak menyertai kejohanan dan memberikan makanan berkhasiat. [**Penutup**] Atlet yang berjaya akhirnya memperoleh kesenangan kerana **berpahit-pahit dahulu supaya manis kemudian**. Oleh itu, janganlah kita memandang sinis terhadap orang yang kelainan upaya.

Praktis 5

[**Pendahuluan**] Kucing, arnab, dan burung antara haiwan peliharaan yang menjadi kesukaan ramai. [**Isi 1**] Mereka yang mempunyai haiwan peliharaan merasakan mampu mengurangkan stres setelah penat belajar. [**Contoh/Kesan**] Gelagat lucu haiwan peliharaan boleh membuat perasaan **semak hati** bertukar gembira, seterusnya mampu melupakan masalah yang dihadapi. [**Isi 2**] Hobi ini juga boleh mengeratkan hubungan kekeluargaan. [**Contoh/Kesan**] Melakukan aktiviti secara bersama-sama seperti memberi makan dan mengajak berjalan-jalan menyebabkan hubungan kekeluargaan semakin teguh. [**Isi 3**] Selain itu, haiwan peliharaan juga menyebabkan kita seronok tinggal di rumah. [**Contoh/Kesan**] Disebabkan haiwan tersebut, kita tidak sanggup berpelesenan tanpa sebab yang kukuh. [**Penutup**] Oleh itu, kita perlu menyayangi haiwan. Keprihatinan kita menyebabkan kehidupan haiwan menjadi lebih baik.

Praktis 6

[**Pendahuluan**] Bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh mengundang kesusahan kepada manusia. [**Isi 1**] Bencana alam disebabkan oleh perubahan iklim global yang berlaku hampir setiap tahun. [**Contoh/Kesan**] Perubahan iklim global berlaku ekoran kepesatan dalam industri perkilangan, pertanian, dan pengangkutan. [**Isi 2**] Selain itu, masyarakat tidak prihatin terhadap persekitaran. [**Contoh/Kesan**] Masyarakat selesa menggunakan kenderaan persendirian dan melakukan pembakaran secara terbuka. [**Isi 3**] Seterusnya, aktiviti manusia yang menggunakan sumber alam secara rakus tanpa kawalan. [**Contoh/Kesan**] Kawasan hutan yang telah ditebang tidak digantikan dengan anak pokok yang baharu. [**Penutup**] Marilah kita membantu kerajaan mengatasi musibah bencana alam ini. Kita perlu serius memikirkan masalah bencana alam ini kerana **ombak yang kecil jangan ditidakkan**.

Praktis 7

[**Pendahuluan**] Rakyat Malaysia yang berbilang kaum perlu mengamalkan semangat kejiwaan. [**Isi 1**] Lantaran itu, kita digalakkan mengadakan majlis rumah terbuka ketika menyambut hari perayaan. [**Contoh/Kesan**] Melalui majlis rumah terbuka, semua ahli dalam masyarakat berpeluang untuk berkumpul dan berbincang sambil menikmati juadah yang disediakan oleh tuan rumah. [**Isi 2**] Seterusnya, komuniti dalam masyarakat hendaklah mengadakan aktiviti gotong-royong. [**Contoh/Kesan**] Apabila semua berkumpul, kita dapat mengenal hati budi jiran dengan lebih dekat. [**Isi 3**] Selanjutnya, kita mestilah menyemarakkan budaya kunjung-mengunjungi. [**Contoh/Kesan**] Melalui aktiviti ini, kita akan mengetahui masalah dan kesusahan yang dialami oleh jiran kita. [**Penutup**] Jadikanlah jiran seperti saudara kita sendiri. Kita tidak boleh bersikap **bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing**.

Praktis 8

[**Pendahuluan**] Terdapat pelbagai penyakit berjangkit berlaku di Malaysia seperti campak, malaria, kolera, rabies, hepatitis B dan difteria. [**Isi 1**] Sebagai langkah awal, anak-anak perlu menerima suntikan imunisasi. [**Contoh/Kesan**] Menerusi suntikan tersebut, pelbagai penyakit berjangkit dapat dibendung sejak kanak-kanak. [**Isi 2**] Selain itu, kerajaan perlu memantau kemasukan pelancong asing. [**Contoh/Kesan**] Laluan udara, darat, dan laut perlu dikawal kerana pelancong boleh membawa virus berbahaya. [**Isi 3**] Selanjutnya, kita perlu mengekalkan tahap kebersihan diri. [**Contoh/Kesan**] Kita perlu kerap membasuh tangan menggunakan sabun terutama selepas keluar dari tandas dan minum air yang telah dimasak. [**Penutup**] Jika masyarakat bersikap prihatin dengan arahan Kementerian Kesihatan, gejala ini dapat dibendung. Sesungguhnya, **lebih baik mencegah daripada mengubatinya**.